فليتا بروني
Pelita Brunei

RABU 22 OGOS, 1984.

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## LANDASAN MENUNGGU MASA HADAPAN

SUDAH tiga suku tahun kita Merdeka dalam erti kata mengambil alih semula tanggungjawab penuh antarabangsa sebagai sebuah negara yang Berdaulat lagi Merdeka. Seperti yang diagakkan maka kita tidak mengalami perubahan yang mengejut, bahkan dari saat-saat awal kemerdekaan dimasyhurkan perhubungan yang dibayangkan ialah satu peralihan biasa dalam susunan pentadbiran bagi menyesuaikan dengan keperluan-keperluan dalam era baru, di mana tanggungjawab negara dan kerajaan setentunya bertambah.

Dalam peralihan kepada suasana itu boleh dikatakan kita tidak mengalami sebarang kejutan atau 'shock'. Ini ialah kerana lama sebelum merdeka kita sudah sedia mempunyai pentadbiran awam dengan sistem yang mampu melayani keperluan-keperluan yang berbangkit dari semasa ke semasa. Dan untungnya lagi ialah jentera pentadbiran itu telah kita kuasai dengan diterajukan oleh orang-orang kita menurut proses biasa sesuai dengan keupayaan yang meningkat.

Ada dua faktor yang utama menentukan kejayaan kita setakat ini. Pertama, adanya rancangan perkembangan dan kemajuan sosio-ekonomi yang tepat dengan strateginya bagi membangun serta memajukan negara yang serentak itu ialah meningkatkan taraf hidup rakyat dan penduduk. Kedua, adanya sikap rakyat yang 'responsive' terhadap usaha-usaha pembangunan dan kemajuan yang dirancang serta dilaksanakan oleh kerajaan. Adunan kedua-dua faktor ini telah merancang pencapaian negara dalam berbagai bidang kemajuannya.

Satu kenyataan yang paling ketara hasil dari rancangan kemajuan dan sikap rakyat yang responsive itu ialah meningkatnya taraf hidup yang menyeluruh. Menerusi pencapaian pelajaran dan usaha memajukan diri dalam berbagai bidang kita berupaya maka negara pada umumnya telah mempunyai satu iklim atau suasana yang membolehkan setiap kita mempunyai peluang yang sama bagi memberikan sumbangan ke arah kemajuan yang berterusan dan diberikan peranan serta tanggungjawab menurut 'merit' masing-masing.

Maka iklim dan suasana sedemikian itulah yang banyak mempengaruhi cara dan sikap kita menghadapi perubahan serta mengisi keperluan era baru — era merdeka sekarang ini. Dalam hal ini kita tidak menampak adanya sebab yang kuat bagi suasana dan iklim tersebut berubah ke arah yang tidak diduga selama mana kita sendiri merasakan selesa dengannya serta jelas meyakini kemanfaatannya.

Dari segi kerajaan unsur penting yang mengekalkan dasar-dasarnya yang bermanfaat selama ini ialah kesediaannya menganggapi aspirasi rakyat yang bersikap 'responsive' terhadap pembangunan dan kemajuan sosioekonomi itu. Ini ditambah lagi dengan pendirian yang lurus dalam mengatasi masalah-masalah dan menempuh perkembangan-perkembangan yang lazimnya berbangkit bagi sesebuah negara dan sesuatu bangsa. Dalam suasana baharu era merdeka sekarang sikap serta pendirian kerajaan yang sedemikian bukan sahaja sedang diteruskan bahkan dilihat dan diyakini menjadi sebahagian landasan yang akan diikuti ke arah memajukan negara dan rakyat.

Maka setelah tiga suku tahun dalam era merdeka di mana kita menghadapi perubahan dalam keadaan yang tenang, kita sebenarnya mempunyai landasan yang tepat ke arah masa depan yang cemerlang di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan selaku tampuk negara, teras dan teraju kerajaan.

# TULISAN JAWI BUKAN SETAKAT UNTUK PAPAN TANDA

**BERIKUT ialah ucapan Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Yahya Haji Ibrahim Timbalan Pengetua Pengawal Hal Ehwal Ugama di majlis pembukaan peraduan dan pameran Tulisan Jawi anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di Balai Pameran DBP pada 19 Ogos 1984.**

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita kepada Allah Subhanahu Wataala, salawat dan salam kepada Junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam, kaum keluarga, sahabat handai serta pengikut-pengikut Baginda yang setia hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya sukacita menyampaikan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga jawatankuasa penganjur yang telah menjemput saya untuk sama-sama hadir dalam majlis Pembukaan Pameran dan Peraduan Tulisan Jawi yang dianjurkan oleh Dewan sendiri. Di samping itu saya sukacita mengambil kesempatan ini bagi menyampaikan penghargaan dan tahniah di atas kejayaan Dewan Bahasa dan Pustaka menganjurkan Peraduan dan Pameran Seni Khat Jawi ini yang mana saya difahamkan adalah mendapat sambutan yang baik dari kalangan umum terutama pelajar-pelajar sekolah di negara ini. Sambutan ini adalah menunjukkan bahawa tulisan jawi masih mendapat tempat di negara ini dan masih boleh bertahan serta mempunyai kemungkinan-kemungkinan yang luas untuk diperkembangkan semula sebagai tulisan yang berkuasa dari segi politik, ekonomi, sosial dan lain-lain sebagaimana yang pernah dialaminya pada zaman dahulu.

Peraduan dan pameran ini di samping itu ialah dengan tujuan supaya dapat menjadi jalan atau media bagi mempertinggi, memperluas penggunaan tulisan jawi dan memperkembangkan pengetahuan mengenainya di kalangan orang ramai khasnya pelajar-pelajar di sekolah. Adalah disedari bahawa pada masa ini pengetahuan mengenai tulisan jawi dan penggunaannya sama ada di sekolah-sekolah, di media masa-media masa dan lain-lain agak menurun dan terbatas disebabkan oleh pengaruh tulisan rumi yang sangat luas terutama dalam bidang-bidang pengetahuan moden. Perkara ini pada tahun-tahun, sebelum 50an tidak terbayang oleh kita akan terjadi kerana pada masa itu tulisan jawi masih lagi menguasai ilmu pengetahuan dan persuratan Melayu, tetapi dengan perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi seolah-seolah pada masa ini tulisan jawi itu bukanlah lagi tulisan ilmu pengetahuan yang boleh memajukan orang Melayu. Sebenarnya kalau kita mengkaji perkara ini dengan terperinci bukanlah tulisan itu yang menjadi sebab orang Melayu tidak maju atau menjadikan tulisan jawi ini menurun pemakaiannya disebabkan keadaan tulisan jawi itu tetapi ialah kompleks rendah diri yang ditanamkan oleh pihak-pihak yang memandang jawi atau tulisan jawi itu sebagai tulisan yang kurang mutunya yang mana mereka menyedari tulisan jawi adalah asas kekuatan orang Melayu yang mana menguasai dan mempengaruhi banyak bidang terutamanya dari segi ugama dan politik. Oleh sebab itulah di antaranya disebarkan fahaman-fahaman yang ingin merendahkan tulisan jawi di antaranya dalam statistik-statistik pengetahuan maka orang yang pandai tulisan jawi itu dianggap orang 'il-literate' padahal orang yang pandai tulisan jawi, membaca tulisan jawi, menulis tulisan jawi bukanlah orang yang 'il-literate' tetapi orang yang pandai menulis tetapi oleh kerana hendak menuju kepada suatu fahaman yang merendahkan tulisan jawi maka orang yang hanya tahu tulisan jawi dianggap 'il-literate' — buta huruf. Oleh kerana itu dalam proses menguasai bangsa Melayu itu telah dijalankan melalui media-media yang berpengaruh dan berkesan, di antaranya ialah tulisan jawi yang merupakan tulisan warisan yang banyak menyimpan kuasa kemelayuan.

### TULISAN BERKUASA

Jikalau kita tinjau kepada masa beratus-ratus tahun yang lalu iaitu sesudah kemasukkan Islam dan sebelum masuknya bangsa-bangsa asing berkuasa di alam Melayu, maka tulisan jawi adalah menjadi tulisan yang berkuasa dalam banyak segi di samping bahasa Melayu menjadi lingua-franca, bahasa kebudayaan, tamadun, politik dan ekonomi yang digunakan oleh semua orang yang ingin menghubungi orang-orang Melayu. Tetapi setelah kuasa-kuasa Barat bertapak dan menguasai dunia politik di negara di sebelah sini tulisan jawi telah menjadi mundur dan ini telah banyak menjejaskan bidang-bidang kehidupan orang Melayu yang mana kesannya tetap dirasakan hingga ke masa ini. Bagi bangsa Melayu, mengetahui tulisan jawi demi untuk membangun sifat kemelayuan yang bersalut dengan Islam maka pengetahuan tulisan jawi adalah satu perkara yang mesti; kerana kebesaran bangsa Melayu, ketinggian keperibadian bangsa Melayu ada tersimpan dalam perbendaharaan-perbendaharaan yang ditulis dalam tulisan jawi. Jika kita hendak kemelayuan yang bersendikan Islam itu dipertahankan maka pada masa ini maka dengan tidak mengetahui tulisan jawi (yang mana dengan sebab itu kita tidak dapat membuat kajian tentang asal-usul orang Melayu) sudah tentulah tidak akan terdapat kesinambungan antara turunan yang dahulu dengan turunannya yang sekarang (ia akan patah di tengah jalan). Maka ini akan menyebabkan satu krisis jiwa yang mana seolah-olah bangsa Melayu itu adalah bangsa yang tidak mempunyai sejarah yang lampau. Sejarahnya hanya ada dengan kedatangan bangsa-lain terutama kaum penjajah dan pendatang dalam kurun-kurun yang ke-16 atau 17. Hal ini terjadi kepada negara-negara Asia di tempat-tempat lain. Umpamanya oleh kerana tidak mengetahui sejarah lampau yang ditulis dalam tulisan jawi, maka salah sebuah negara di rantau ini telah dianggap hanya baru ditemui sesudah Raffles datang ke negara itu yang mana difahamkan bahawa sebelum kedatangan Raffles tidak ada negara Melayu di situ. Tambahan lagi dengan sebab Raffles telah membakar naskah-naskah bangsa Melayu dalam kapal "Fame". Kalau tidak berharga dan bererti, naskah-naskah jawi yang sekapal penuh itu tentulah tidak dihanguskan oleh Raffles.

### NISAN RAJA-RAJA

Dalam hal ini di negara kita Brunei Darussalam telah wujud satu trend yang hendak ditanamkan bahawa kedatangan Islam ke negara ini adalah terlambat daripada negara-negara lain di rantau ini iaitu hanya pada kira-kira kurun ke-16 atau akhir kurun ke-15 dengan alasan-alasan daripada penulis-penulis barat yang mengambil rujukan daripada pengembara-pengembara yang datang pada kurun-kurun sekitar 16 hingga ke atas. Pada hal mengikut perbendaharaan sejarah Brunei, ugama Islam telah pun wujud di Brunei pada kurun-kurun ke-10 atau ke-11 masihi dengan terjumpanya beberapa kesan-kesan seperti nisan Raja-raja Brunei yang masih lagi di dalam kajian yang semuanya dalam tulisan jawi. Jikalau sekiranya pengkaji-pengkaji yang terdiri daripada orang-orang Brunei ingin menegakkan teori-teori baru hanya berdasarkan tulisan-tulisan orang-orang barat yang sememangnya anti kepada Islam, maka dengan tidak mengetahui atau tidak pandai membaca tulisan jawi untuk merujuk kepada asal cerita maka sudah tentulah akan wujud kesalahan-kesalahan yang nyata yang akan dibuat oleh penulis-penulis dan pengkaji-pengkaji orang Brunei, sebagaimana yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji dan penyelidik-penyelidik barat itu jua.

### WAJIB DIPELAJARI

Di samping itu sebagaimana yang kita ketahui pada umumnya tulisan jawi adalah tulisan ugama, kitab-kitab ditulis banyaknya dalam tulisan jawi istilah-istilah ugama ditulis dan biasa dalam tulisan jawi. Tidak dapat tidak tulisan jawi mustahak dan wajib dipelajari semata-mata untuk mengetahui masalah ugama. Pada masa sekarang ada orang masih menyangka bahawa masalah ugama dan akidah itu suatu perkara yang mudah dapat diselesaikan hanya setakat mengetahui rukun sembahyang, rukun haji, puasa, zakat dan nikah kahwin secara ringkas. Tetapi pada masa ini pun dengan perkembangan Negara Brunei Darussalam khasnya dalam era baru ini dalam masalah-masalah negara yang hendak menentukan dan diterajukan menurut dasar ugama sebagaimana yang telah diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam pengisytiharan kemerdekaan 1 Januari 1984 yang lalu memerlukan kita semua tetap berpegang kepada tulisan jawi, tetap mengetahui tulisan jawi, pandai membaca jawi kerana adalah jelas perkara-perkara kehidupan semakin ditekankan kepada hukum ugama yang telah menjadi dasar di dalam negara ini. Oleh sebab itu saya rasa dan saya berpendapat semua pihak hendaklah mengambil perhatian terhadap pemakaian tulisan jawi bukan hanya setakat menjadi tulisan dalam papan tanda, kepala surat dan lain-lain tetapi hendaklah lebih daripada itu supaya ia dikekalkan dalam banyak bidang dan dikembangkan dengan sebaik-sebaiknya khas melalui sistem pendidikan.

Satu trend yang baru pula ialah hendak mengasaskan ejaan jawi kepada tulisan rumi — trend ini sebenarnya berpunca dari pemikiran segolongan atheist yang anti ugama yang telah diperalatkan oleh golongan Nasraniyah. Ini telah menimbulkan krisis dalam akidah di mana perkataan-perkataan jawi yang dieja dalam huruf rumi telah diubah ertinya dan menjadi makna yang sebaliknya. Umpamanya " نعمة " dieja menjadi *nikmat* dan kemudian "nikmat" itu telah dieja semula ke dalam tulisan jawi menjadi " نكمة " atau " نقمة " (bererti: bala bencana lawan kepada " نعمة " Sebaliknya perkataan-perkataan yang mengandungi unsur-unsur atheism, kebebasan dari ugama kepada belenggu tamadun barat yang rapuh telah diperkuatkan dengan alasan-alasan tamadun dan kemajuan sains. Inilah kesilapan para pemikir moden yang sebahagiannya hanya melihat bingkai gambar, tidak melihat kepada jenis cat dan lukisan.

Sekianlah sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Assallamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

### Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 tahun anjuran Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negara Brunei Darussalam.

Turut berangkat ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Ruhaizah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga telah berkenan menyempurnakan penyampian hadiah kepada peserta yang memenangi dalam pertandingan bunga-bunga hidup.

Bagi menjunjung kasih di atas keberangkatan Baginda, Baginda telah dipersembahkan cenderamata yang disampaikan oleh Pengerusi Majlis Dayang Hajjah Marhani binte Abdul Latif yang juga telah menyembahkan ucapan alu-aluannya.

Seterusnya Baginda beserta rombongan Diraja dijunjung untuk menyaksikan pesekitaran pameran bunga-bunga dengan diiringi oleh Dayang Hajjah Marhani binte Abdul Latif beserta lebih 70 orang jemputan khas.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS ...... Siri ke-240

# MENDEDAH AURAT DAN MELIHAT AURAT ORANG



AL-IMAM Ibnu Hajar dalam Az-Zawajir an Iqtinfil Kabaer telah banyak membawa Hadis-hadis sekadar dua muka besar dan juga kata-kata ulama, kemudian ia berkata :

"Ringkasan masalah mendedahkan aurat sama ada pada laki-laki atau pada perempuan bahawa menurut Qaul 'pendapat' yang muktamad dalam Mazhab Al-Imam Asy-Syafie adalah ia dosa kecil, sama ada ada hajat atau tiada, tetapi mendedahkan aurat di hadapan orang, mewajibkan jatuh maruah, dan menunjukkan kelakuan tiada memperdulikan menjaga diri, maka orang yang mendedahkan aurat di hadapan orang itu, ditolak segala kesaksian dan keterangan-keterangan kesaksiannya di dalam sesuatu perkara yang mesti ada saksi, dan jadilah keadaan orang itu seperti keadaan orang fasik, dengan tiada diterima dan ditolak kesaksian dan keterangan-keterangannya, sebagaimana telah disebutkan oleh Al-Imam Hassan bin Ahmad Haddad al-Basri (Asy-Syafie) dalam Kitab Adabul Qada sebagaimana telah dinukilkan oleh Ulama Syafieiah daripada Al-Imam Muzani dan dari nas Al-Imam Asy-Syafie Radiallahuanhu.

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar: "Menurut kata-kata Ulama ketika mereka membahaskan perkara erti dosa besar dan yang telah ditegaskan oleh Ulama Syafieiah, bagaimana telah lalu sebutannya, bahawa mendedahkan aurat di hadapan orang dengan tiada sesuatu hajat yang sangat adalah dosa besar, kerana jika Allah melaknatkan seseorang atau sesuatu sifat maka menunjukkan bahawa orang itu atau sesuatu sifat itu dari tanda-tanda perkara atau perbuatan dosa besar."

Katanya lagi : Difahamkan dari Hadis yang akhir yang menyebutkan pada melaknat orang yang melihat aurat orang dan melaknat akan orang yang mendedahkan auratnya, bahawa memandang aurat orang adalah suatu dosa besar, dan mendedahkan aurat kepada orang adalah dosa besar juga, kerana perkataan "laknat" itu dikenakan ke atas dosa besar dan disokong pula dengan hukum bahawa sehingga melihat perempuan asing itu dengan tiada sesuatu hajat adalah fasik dan akan disebutkan kemudian.

Ini kata-kata Ulama dalam perkara mendedah aurat dan melihat aurat dengan tiada apa-apa hajat yang sangat.

(Bersambung)

WALLAHUAKLAM

# TULISAN JAWI PERLU DIKEMBANGKAN DI SEMUA BIDANG

OLEH: ABD.-KARIM HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dalam ucapan perasmiannya pada petang Ahad lepas menyeru semua pihak mengambil perhatian agar pemakaian Tulisan Jawi dikekalkan dalam banyak bidang dan dikembangkan dengan sebaik-baiknya khasnya melalui sistem pendidikan. Bukan hanya setakat menjadi tulisan dalam papan tanda, kepala surat dan lain-lain.

Menurut Yang Dimuliakan Pehin, adalah disedari bahawa masa ini pengetahuan mengenai Tulisan Jawi dan pengunaannya di sekolah-sekolah, di media-media masa dan lain-lain agak menurun dan terbatas disebabkan oleh pengaruh Tulisan Rumi yang sangat meluas terutama dalam bidang-bidang pengetahuan moden.

Menurunnya pemakaian Tulisan Jawi, kata Yang Dimuliakan Pehin, jika dikaji secara terperinci bukanlah disebabkan oleh Tulisan Jawi itu tetapi disebabkan oleh kompleks rendah diri yang ditanamkan oleh pihak-pihak yang memandang Tulisan Jawi itu sebagai tulisan yang kurang mutunya. Mereka menyedari ianya merupakan asas kekuatan orang-orang Melayu, yang menguasai banyak bidang terutama dalam segi ugama dan politik.

Berucap sebelum merasmikan Pameran dan Penyampian Hadiah Seni Khat dan Bacaan Jawi di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, tetamu kehormat itu seterusnya menekankan bahawa mengetahui Tulisan Jawi demi untuk membangun sifat kemelayuan yang bersalut dengan Islam maka pengetahuan Tuisan Jawi adalah suatu perkara yang mesti. Kerana kebesaran dan ketinggian keperibadian bangsa Melayu ada tersimpan dalam perbendaharaan perbendaharaan yang ditulis dalam Tulisan-Tulisan Jawi.

"Jika hendak kemelayuan yang bersendikan Islam itu dipertahankan maka pada masa ini dengan tidak mengetahui Tulisan Jawi (yang mana dengan sebab itu kita tidak dapat membuat kajian tentang asal-usul orang Melayu) sudah tentulah kesinabungan antara turunan yang dahulu dengan turunan yang sekarang (ia akan patah di tengah jalan). Ini akan menyebabkan satu krisis jiwa seolah-olah bangsa Melayu itu adalah bangsa yang tidak mempunyai sejarah yang lampau. Sejarahnya hanya ada dengan kedatangan bangsa-bangsa lain terutama kaum penjajah dan pendatang dalam kurun-kurun ke-16 atau 17," ujar Yang Dimuliakan Pehin.

Selanjutnya tetamu kehormat itu menyatakan tentang wujudnya sekarang satu trend di Negara Brunei Darussalam ini yang hendak menanamkan bahawa kedatangan Islam ke negara ini adalah terlambat dari negara-negara lain di rantau ini, iaitu hanya pada kira-kira kurun ke-16 atau akhir kurun ke-15 dengan alasan-alasan daripada pengembara-pengembara yang datang pada kurun-kurun sekitar 16 hingga ke atas.

"Padahal mengikut perbendaharaan sejarah Brunei, ugama Islam telah pun wujud di Brunei pada kurun-kurun ke-10 atau ke-11 Masihi dengan terjumpanya beberapa kesan-kesan seperti nisan Raja-Raja Brunei yang masih dalam kajian yang semuanya dalam Tulisan Jawi. Jikalau sekiranyalah pengkaji-pengkaji yang terdiri daripada orang-orang Brunei ingin meneggakkan teori-teori baru hanya berdasarkan tulisan-tulisan orang-orang Barat yang sememangnya anti kepada Islam maka dengan tidak mengetahui atau tidak pandai membaca Tulisan Jawi untuk merujuk kepada asal cerita maka sudah tentulah akan wujud kesalahan-kesalahan yang nyata yang akan dibuat oleh penulis-penulis dan pengkaji-pengkaji dan penyelidik-penyelidik Barat itu jua," tegas Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam.

Di samping itu tambah Yang Dimuliakan Pehin, sebagaimana yang diketahui pada umumnya Tulisan Jawi adalah tulisan ugama, kitab-kitab ditulis dengan banyaknya dalam Tulisan Jawi, istilah-istilah ugama ditulis dan biasa dalam tulisan jawi. Tidak dapat tidak Tulisan Jawi mustahak dan wajib dipelajari semata-mata untuk mengetahui masalah ugama.

"Pada masa sekarang ada orang masih menyangka bahawa masalah ugama dan aqida itu suatu perkara yang mudah diselasaikan hanya setakat mengetahui rukun sembahyang, rukun haji, puasa, zakat, nikah kahwin secara ringkas. Tetapi pada masa ini pun dengan perkembangan Negara Brunei Darussalam khasnya dalam era baru ini dalam masalah-masalah negara yang hendak menentukan dan diterajukan menurut dasar ugama sebagai yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di malam Pengisytiharaan Kemerdekaan 1 Januari 1984 yang lalu memerlukan kita semua tetap mengetahui Tulisan Jawi, pandai membaca Jawi kerana adalah jelas perkara-perkara kehidupan semakin ditekankan kepada hukum ugama yang telah menjadi dasar di dalam negara ini," tegas Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu lagi.

Yang Dimuliakan Pehin juga menyentuh satu lagi trend baru yang hendak mengasaskan ejaan Jawi kepada ejaan Rumi yang sebenarnya berpunca dari pemikiran segolongan athiest yang anti ugama yang telah diperalatkan oleh golongan Nasraniyah.

Hal itu telah menimbulkan krisis aqidah di mana perkataan Jawi yang dieja dalam huruf Rumi telah berubah ertinya dan bunyinya menjadi makna yang sebaliknya.

"Umpamanya 'nun 'ain mim ta' dieja menjadi nikmat dan nikmat ini pula dieja semula dalam Tulisan Jawi menjadi — nun ya kaf mim ta — atau — nun ya qaf mim ta (bererti; bala bencana lawan kepada ni'mat). Sebaliknya perkataan yang mengandungi unsur-unsur atheism, kebebasan dari ugama kepada belenggu tamadun Barat yang telah rapuh telah diperkuatkan dengan alasan-alasan tamadun dan kemajuan sains. Inilah kesilapan para pemikir moden yang sebahagiannya hanya melihat bingkai gambar, tidak melihat kepada jenis cat dan lukisan," tegas Yang Dimuliakan Pehin.



YANG Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim ketika berucap merasmikan pameran tulisan jawi baru-baru ini.

## Bengkel Melukis Illustrasi Buku

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei akan menganjurkan Bengkel Melukis Illustrasi Buku Kanak-kanak selama tiga hari mulai 28 September depan.

Bengkel tersebut akan diadakan di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, dan akan dikendalikan oleh seorang penceramah dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

## PEMBETULAN

**TULISAN Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Siri ke-239 keluaran 15 Ogos 1984 di bawah tajuk HUKUM BERSALAMAN ruang ke-2 mulai dari Bil. 19 terdapat sedikit kesilapan dan hendaklah dibaca seperti berikut :**

**"19. Makruh berpeluk dan berkucup kepala di antara laki-laki dengan laki-laki melainkan berpeluk dan berkucup kepala akan orang datang dari pelayaran, atau akan orang yang tiada berjumpa lama pada adat, maka sunat bagi mereka, kerana ialah mengikut perbuatan Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam."**

**Atas kesilapan yang tiada disenghajakan itu sidang Pengarang memohon maaf.**

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 22 Ogos hingga 29 Ogos 1984

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 22.8.1984 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 22.8.1984 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 22.8.1984 | Rabu | 11.30–12.00 t/hari |
| Sekolah Melayu Lumut dan Sekolah Melayu Sungai Liang | 23.8.1984 | Khamis | 10.00–11.00 pagi |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 23.8.1984 | Khamis | 2.30– 3.30 petang |
| Sekolah Melayu A. Haji Mohd Yussof Katimahar | 25.8.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Penjara Jerudong | 25.8.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Mulaut | 25.8.1984 | Sabtu | 11.00–12.00 t/hari |
| Sekolah Melayu Birau | 25.8.1984 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 25.8.1984 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 25.8.1984 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh Sungai Hancing | 27.8.1984 | Isnin | 8.45– 9.45 pagi |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan | 27.8.1984 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 28.8.1984 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerik Desa, Berakas | 28.8.1984 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kiulap | 28.8.1984 | Selasa | 2.45– 3.15 petang |
| Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata, Gadong | 28.8.1984 | Selasa | 3.30– 4.00 ,, |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong. | 28.8.1984 | Selasa | 4.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Melayu Limau Manis | 29.8.1984 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pangkalan Batu | 29.8.1984 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 29.8.1984 | Rabu | 11.00–12.00 t/hari |

## Tiada siapa yang mahu dipanggil orang salah:

# MENGAPA WUJUD CARA HIDUP YANG TAK KERUAN?

MARILAH kita bertakwa, mentaati perintah-perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya dengan ketaatan yang kuat dan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keredaan-Nya di dunia dan di akhirat.




Perlu disebut bahawa walaupun manusia itu mendapat pimpinan dari pancaindera dan akal fikirannya, tetapi masih ramai juga yang menyimpang dari jalan kebenaran. Matanya melihat, telinga mendengar, hati kecilnya dapat menimbang mana yang baik dan mana pula yang buruk, namun masih ada juga yang menurutkan jalan yang salah. Mengapa? Padahal tidak siapa yang mahu dipanggil orang salah, orang berdosa, orang jahat dan sebagainya. Tetapi pada hakikatnya ramai yang bersalah itu.

### PANDAI MENIPU

Jadi tentu ada pengaruh yang sangat-sangat berpengaruh, yang menyimpangkan orang ke jalan yang jahat itu. Apa dia? Jawabnya ialah hawa nafsu dan syaitan.

Hawa nafsu menolak orang kepada jalan sia-sia, sementara syaitan amat pandai menipu. Apabila kedua-dua anasir itu bekerjasama memperdayakan manusia, maka ketika itu, pertimbangan akal dan pancaindera tentang buruk dan baik seseorang itu pun menjadi kabur dan keliru. Keinginan hatipun dilayan semahunya, dengan tidak ada kontrol, tidak mahu disekat-sekat, melintang patah membujur lalu, sehingga tidak diperdulikan lagi halal dan haram, tidak berguna pada perasaanya semua peraturan ugama. Ugama itu kolot, tidak maju. Yang maju apa yang indah pada perasaannya, apa yang longgar, tidak menyekat tata-tertib dan kelakuannya. Yang maju itu ialah apa orang lain buat, walaupun salah, yang bersifat antarabangsa dan universal, sementara akhlak Quran, tuntutan Quran, dan hadis-hadis hanya untuk masjid dan masyarakat yang terbatas sahaja.

### TIDAK KERUAN

Demikian itu hawa nafsu dan syaitan berjaya menipu kita, menipu sebahagian besar umat Islam di mana-mana sahaja.. Kehidupan umat Islam lebih menggambarkan kepada peradapan umum yang tidak keruan, bukan lagi peradapan Islam yang murni. Peradapan umum yang tidak keruan itu terdapat dalam cara berfikir, cara berpakaian, cara bergaul, cara bertindak dan lain-lain. Dalam cara berfikir sahaja umpamanya, terdapat orang-orang Islam yang kusut jika berhadapan dengan hukum-hukum ugama. Mereka merasa canggung dan tidak bebas. Tetapi jika mereka berhadapan dengan ciri-ciri hiburan dan kebudayaan biasa, mereka gembira dan menyambutnya dengan penuh selera. Ini menggambarkan cara berfikir yang dipengaruhi oleh hawa nafsu dan tewas kepada tipuan syaitan. Demikian juga cara berpakaian terdapat setengah orang Islam yang kusut dan bahkan tidak mahu sama sekali mengikut garisan-garisan yang digariskan oleh Islam supaya menutup aurat dan bersopan, sebaliknya kita lebih cepat menerima fesyen-fesyen bebas yang tidak keruan, yang tidak selaras dengan kehendak ugama dan tidak menggambarkan identiti kita orang Islam.

Hal ini semua mahulah diambil berat oleh kita terutama para ibu bapa terhadap anak-anak dan muda mudi yang kita sedia maklum terdedah kepada pengaruh-pengaruh yang setengahnya tidak sihat di zaman moden ini. Sempurnakan pendidikan ugama mereka, tanamkan cinta kepada Islam, supaya dapat mempengaruhi hidup mereka sepanjang masa. Hanya dengan pengaruh Islam, pengaruh pendidikan Islam sahaja kita dapat terhindar dari ciri-ciri kehidupan liar yang tidak senonoh, yang disedari oleh semua kalangan manusia sekarang ini sebagai bermaharajalela dan merosakkan kerukunan hidup bertamadun yang sihat.

**Ugama itu kolot, tidak maju. Yang maju apa yang indah pada perasaannya, apa yang longgar, tidak menyekat tata-tertib dan kelakuannya. Yang maju itu ialah apa orang lain buat, walaupun salah, yang bersifat antarabangsa dan universal, sementara akhlak Quran, tuntutan Quran, dan hadis-hadis hanya untuk masjid dan masyarakat yang terbatas sahaja.**

### MENDAPAT HIDAYAH

Marilah kita berdoa, mudah-mudahan umat Islam terutama di dalam Negara Brunei Darussalam, sama-sama kita mendapat hidayah dan pimpinan Allah terus menuju dan berjalan lurus mengikut landasan ugamanya, dijauhkan dari masuk perangkap hawa nafsu dan mengikut langkah-langkah syaitan yang terkutuk. Marilah kita ingat terus seruan Allah ini, firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 208, yang bermaksud, **"Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam seluruhnya (menjadi orang Islam seluruhnya dengan mengamalkan cara-cara hidup Islam seluruhnya), dan janganlah kamu ikut langkah-langkah syaitan, sesungguhnya syaitan itu bagi kamu ialah musuh yang amat besar."**

## Manusia sering terjebak ke perangkap syaitan

## *Menuju keredaan Allah*

KERANA kelemahan-kelemahan yang ada pada manusia umumnya dan begitu pula hebatnya perdayaan dari musuhnya yang bernama iblis atau syaitan itu, maka bagaimana juga berhati-hatinya manusia, sudah barang tentu yang kita manusia akan terjebak ke dalam perangkap syaitan atau iblis. Sehingga kita akan sering melakukan kesalahan-kesalahan dan dosa. Kecuali manusia maksum yang memang telah dilindungi oleh Allah dari kesalahan dan dosa iaitu para Nabi dan Rasul.

Apakah yang menyebabkan kita manusia sering terjatuh ke dalam perdayaan iblis dan syaitan itu? Sebabnya ialah bahawa di samping akal yang ada pada manusia ada pula nafsu atau keinginan. Nafsu dan keinginan itu bukan hanya semacam, tetapi berpuluh-puluh macam banyaknya.

Ada nafsu terhadap makanan dan minuman, terhadap harta kekayaan dan perhiasan, ada nafsu terhadap kedudukan martabat yang tinggi, pangkat dan kemuliaan, ada nafsu terhadap kesenangan dan kemewahan. Lebih-lebih lagi nafsu terhadap wanita-wanita bagi lelaki dan terhadap lelaki bagi wanita-wanita dan lain-lain nafsu lagi.

Kesemua nafsu atau keinginan yang dirangkai-rangkai itu adalah merupakan pintu-pintu yang lebar dan selalu terbuka dan setiap waktu dapat dimasuki oleh syaitan dan iblis untuk memperdayakan kita manusia dan kalau dapat untuk menyesatkan kita manusia dari jalan lurus dan benar.

Manusia akan mendapat godaan yang maha hebat di permukaan bumi ini, dan banyak manusia terjerumus ke jurang kesesatan atau dosa demi dosa yang mana sudah disedari betul oleh Allah dan para malaikat sejak hari pertama manusia ditempatkan di permukaan bumi ini. Berfirman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 30 yang tafsirannya: *"Dan ingatlah ketika Allah berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku menjadikan seorang khalifah di atas bumi (Adam)." Maka jawab mereka itu: "Adakah patut engkau menjadikan seseorang khalifah di atas bumi yang akan membuat kebinasaan dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), sedangkan kami bertasbih memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Berfirman Allah Subhanahu Wataala: "Sesungguhnya Akulah yang lebih mengetahui apa yang kamu tidak mengetahui."*

Memang sudah ternyata dewasa ini, semakin lama semakin banyak pula kerosakan, kedurjanaan dan maksiat yang mereka lakukan. Di antaranya: Mereka kafir kepada Allah. Kerana kejadian itu malaikat di langit mengeluh lalu berkata kepada Tuhan: "Ya Allah, alam yang Engkau ciptakan untuk tempat berbakti dan beribadat kepada Engkau sudah dijadikan oleh manusia tempat mengengkari (kufur kepada Engkau), tempat berbunuh-bunuh, memakan harta haram, berzina, mencuri, meminum tuak dan lain-lain perbuatan mungkar."

Untuk menghindarkan dari terbelurut kepada runtunan hawa nafsu iblis dan syaitan dan demi menuju ke jalan Siratal Mustaqim, maka Allah telah menyarankan kepada kita hamba-hamba-Nya jenis manusia supaya sentiasa memohon perlindungan kepada Allah Subhanahu Wataala pada setiap pekerjaan kita dengan sungguh-sungguh hati dan dengan segenap perasaan dan kesedaran batin. Insya-Allah, iblis tidak akan dapat mempengaruhi kita. Terhadap kesedaran dan akal kita itu kita terhindar dari pengaruh-pengaruh syaitan dan iblis.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 22 Ogos, 1984 hingga ke hari Selasa 28 Ogos, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 22-25 | 12.27 | 3.44 | 3.45 | 6.34 | 6.35 | 7.45 | 7.46 | 4.56 | 4.42 | 4.57 | 6.14 | 6.15 |
| 26-28 | 12.26 | 3.42 | 3.43 | 6.32 | 6.33 | 7.43 | 7.44 | 4.56 | 4.42 | 4.57 | 6.13 | 6.14 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



KELIHATAN Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika mengalu-alukan keberangkatan kunjung Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia dan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan rombongan di Istana Nurul Iman. Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan lain-lain kerabat Diraja.







# SEKITAR LAWATAN DY

# BAGINDA YANG DIPE

BARU—baru ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia Sultan Mahmud Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tengku Hajjah Zanariah berserta enam orang puteri dan seorang putera Baginda telah berangkat mengadakan lawatan selama empat hari ke Negara Brunei Darussalam minggu lepas.

Ini adalah merupakan kali pertama Keb Maha Muli Baginda Y Agong Malay kerabat Dira jungan ke menjadi Y Agong tahu



KEBAWAH D.Y.M.M Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Ag mesra semasa rombongan Diraja Malaysia itu berangkat ke Istana Nurul Iman.

KEBAWAH D.Y.M.M Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika mengalu-alukan keberangkatan kunjung Kebawah D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia di Istana Nurul Iman (kiri).

KEBAWAH D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien telah berangkat ke lapangan terbang bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong (kiri).

DALAM rangka kunjungan tersebut, Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah berkenan menyertai perlawanan meluncur angin persahabatan yang diadakan di Pantai Serasa (kiri bawah).

KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri menyampaikan hadiah kemenangan kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong di akhir perlawanan meluncur angin (kanan).





KEBAWAH D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong menitahkan sesuatu kepada peserta-peserta sukan meluncur angin sebaik-baik saja acara itu berakhir yang berlangsung di Pantai Serasa minggu lalu.



KEBAWAH D.Y.M.M. Pa

# ...I SERI PADUKA ...UAN AGONG

...Yang ...aduka ...rtuan ...n-lain ... kun- ... sejak ...rtuan ...ahuiu



